

# Press Release



Media : Kosmo!  
Date : 9 January 2012  
Page : Pg. 51  
Section : Niaga  
Published : Daily  
Language : Malay  
Circulation : 234,000

## Tambah 100 rangkaian Tupperware tahun ini

SUBANG JAYA – Tupperware Brands Malaysia Sdn. Bhd. (Tupperware Brands Malaysia) bercadang untuk meluaskan rangkaian Pusat Perniagaan Tupperware Brands di negara ini kepada 100 buah menjelang akhir tahun 2012.

Pengarah Urusan Tupperware Brands Pasaran Asia Tenggara, David Wong berkata, buat masa ini, pihaknya memiliki 74 Pusat Perniagaan Tupperware Brands yang menggunakan sistem operasi, prosedur dan teknologi standard di seluruh negara.

Menurutnya, rancangan untuk menambah kira-kira 20 cawangan itu seiring dengan sasaran syarikat untuk terus me-

ningkatkan aktiviti pemasaran dan jualan serta pertambahan bilangan dan latihan ejennya.

“Pusat Perniagaan Tupperware Brands memainkan peranan sebagai pusat pengagihan produk dan latihan kepada ejen-ejen kami yang dikendalikan oleh operator perniagaan individu,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas majlis pengumuman integrasi dan pengenalan identiti baharu Nutrimerics dalam portfolio Tupperware Brands Malaysia di sini baru-baru ini.

Wong menjelaskan, pelaburan bagi pembukaan setiap rangkaianannya ialah di antara RM30,000 sehingga RM150,000

bergantung pada saiz dan lokasi.

“Sejak lima hingga enam tahun lalu, rangkaian itu telah mempertingkatkan imej dan keberkesanan operasi syarikat.

“Pertambahan rangkaian ini juga akan menambah bilangan ejen-ejen kami yang kini seramai 305,000 orang sedia ada di samping meningkatkan lagi kemahiran mereka.

Beliau berkata, pada tahun lalu Tupperware Brands Malaysia telah mencatatkan jualan melebihi RM340 juta dan jangka angka itu akan meningkat lebih 20 peratus pada tahun ini menerusi pelbagai inisiatif yang telah dirancang.



DAVID WONG menunjukkan sebahagian daripada produk Tupperware di Subang Jaya baru-baru ini.